

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

CPM301/CMM301/CIS301 - Pengurusan Sistem Maklumat

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** soalan di dalam **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Sebutkan sifat-sifat organisasi yang biasanya diamalkan oleh kebanyakan organisasi. (10/100)
 - (b) Sebutkan amalan organisasi yang biasanya unik di antara satu dengan lain. (10/100)
 - (c) Apakah sebabnya penentangan (resistance) organisasi biasanya dirasai apabila sistem maklumat diperkenalkan? Huraikan dua model penentangan yang boleh menerangkan penentangan sejenis itu. (30/100)
 - (d) Huraikan kesan-kesan (impact) yang mungkin diakibatkan oleh sistem maklumat pada struktur organisasi, proses-proses kebudayaan dan politik, dan juga pihak pengurusan. (50/100)
2. (a) (i) Huraikan lima kebolehan dan fungsi yang disokong oleh internet. (20/100)
 - (ii) Bagaimanakah Internet boleh digunakan untuk elektronik dagang (e-commerce)? (20/100)
 - (b) Huraikan peranan 'firewalls' dan sistem-sistem enkripsi (encryption) dalam anjuran keselamatan perangkaian komputer. (40/100)
 - (c) Andaikan anda telah menerima berjenis-jenis e-mel yang tidak dikehendaki baru-baru ini. Sebagai seorang juruanalisis sistem, anda ingin menganalisis masalah itu terlebih dahulu sebelum membincang perkara itu dengan pentadbir sistem organisasi anda. Bagaimanakah anda menganalisis masalah itu, dan juga menilai beberapa penyelesaian alternatif untuk menghentikan e-mel-e-mel itu? (20/100)
3. (a) Beza dan terangkan secara ringkas pendekatan-pendekatan berikut untuk membangunkan sistem maklumat:
 - (i) Pemprototaipan (Prototyping)
 - (ii) Pengubahsuaian Pakej-pakej Perisian (Customising Software Packages)
 - (iii) Perkomputeran Pengguna Akhir (End-user Computing)
 - (iv) 'Outsourcing'
 (40/100)

- (b) Andaikan anda telah dilantik sebagai seorang perunding kepada sebuah syarikat yang memulai projek-projek pembangunan sistem secara besar-besaran. Bagaimanakah anda menggunakan pendekatan 'wellness' untuk menghindari kegagalan implimentasi sistem (systems implementation failure) yang mungkin berlaku?

(40/100)

- (c) Andaikan anda terjumpa rakan anda yang sedang bekerja sebagai pengurus projek kanan di sebuah syarikat antarabangsa beberapa hari yang lalu. Beliau berkata syarikatnya telah menggunakan pendekatan 'fire fighting' untuk mengurus dan menyelenggarakan sistem-sistem lama. Apakah maksudnya? Betulkah pendekatan 'illness' adalah sama dengan pendekatan 'fire fighting'?

(20/100)

4. (a) Apakah kecerdasan buatan (artificial intelligence)? Apakah sebab-sebabnya organisasi berminat dalam kecerdasan buatan?

(40/100)

- (b) Apakah rangkaian neural (neural network)? Apakah jenis-jenis tugas di mana rangkaian neural dianggap berguna?

Sekumpulan orang telah menuntut bahawa rangkaian neural boleh digunakan secara berkesan dalam ramalan (prediction) trend pasaran saham (stocks and shares market trend). Apakah pendapat anda?

(40/100)

- (c) (i) Andaikan anda sedang mereka bentuk satu sistem sokongan keputusan kumpulan (group decision-support system) yang baru, adakah kemungkinan anda akan melengkapi sistem itu dengan fungsi set-set kriteria penilaian yang berlainan untuk setiap kumpulan pengguna?

- (ii) Terangkan bagaimana fungsi 'multiple criteria set' itu boleh menyokong pembuatan keputusan kumpulan (group decision making).

(20/100)